

Pemaknaan Kuasa dalam Kepimpinan Politik Melayu di Malaysia: Suatu Interpretasi Sejarah

The Signification of Power in Malay Political Leadership in Malaysia: A Historical Interpretation

AHAMAD JAMA¹ AMIN YANG, MOHD SAMSUDIN & IZUAN RAZALI

ABSTRAK

Kuasa dalam politik Melayu sering dilihat dalam konteks amanah dan tanggungjawab orang yang memimpin kepada yang dipimpin. Pandangan tersebut membawa makna kuasa yang begitu sempurna dan holistik konsep, prinsip dan nilainya terutama kesan daripada pengaruh Islam dalam struktural sosiopolitik Melayu. Bagaimanapun, perkembangan sosialisasi dan modenisasi pasca kolonial dalam pemikiran Melayu telah membawa pemaknaan kuasa politik Melayu cenderung kepada spekulasi dan manipulasi. Keadaan ini secara langsung telah memecahkan pemaknaan kuasa yang difahami secara tradisi sebelum ini yang berteraskan pemusatan top down. Pemaknaan kuasa mula beralih dan cenderung kepada exceptionalism (politics of exception) seperti mana yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Eropah pasca zaman reformasi dan ia menular dalam kepimpinan politik Melayu moden. Sehubungan itu, artikel ini cuba membincangkan secara deskriptif persoalan yang menyentuh pemaknaan kuasa dalam kepimpinan politik Melayu di Malaysia dengan melihat latar sejarah sebagai mekanisme perkembangan dan perubahan tersebut. Pada masa yang sama juga, analisis perbincangan turut meliputi cabaran kepimpinan politik Melayu dalam menangani perubahan pemaknaan kuasa tersebut dalam struktur sosiopolitik Melayu di Malaysia.

Kata kunci: Kuasa; Melayu; Islam tradisi; politics of exception

ABSTRACT

The concept of power in Malay politics has always been seen in the context of the trust and responsibility of the people who lead to those led. This view means perfect power, a holistic concept in its principals and values, especially as an effect of Islamic influence in Malay socio-political structure. However, the development of post-colonial socialization and modernization in Malay ideology caused the signification of power in Malay politics to be predisposed to speculation and manipulation. This situation had directly shattered its signification as traditionally understood before, which was based on top down centralization. It then started to shift and gravitate to exceptionalism (politics of exception) as it was practiced among the post-reformation era Europeans and spread within the modern Malay political leadership. Thus, this paper attempts to descriptively discuss the issue affecting the meaning of power in Malay political leadership in Malaysia by observing the historical background as its developmental and transformational mechanism. At the same time, this analytical discussion also encompasses the challenges faced by Malay political leadership in handling the change of the signification of power in Malay socio-political structure in Malaysia.

Keywords: Power; Malay; Islamic tradition; politics of exception

PENGENALAN

Politik Melayu sering kali terjerumus dalam kancuh perdebatan. Keadaan ini timbul akibat daripada polemik terhadap pentafsiran bentuk kuasa dalam kepimpinan politik Melayu. Pentafsiran kuasa yang dijelmakan di dalam kepimpinan politik Melayu disandarkan kepada *political correctness* yang memberi impak besar terhadap *equilibrium* politik Melayu. Manakala *political correctness* kemudiannya membawa kepada kefahaman terhadap falsafah dan pemaknaan kuasa yang mendukung pemikiran dalam kalangan masyarakat

Melayu tradisi hinggalah masyarakat Melayu pasca modenisme. Hal ini membawa kepada penilaian sejarah terhadap konsistensi pemaknaan dan fahaman kuasa yang dimiliki oleh orang Melayu. Persekitaran ini menjadikan fahaman kuasa yang dimiliki kepimpinan Melayu sering menimbulkan tanggapan yang negatif bukan sahaja kepada orang Melayu, malah orang bukan Melayu juga berfikiran sedemikian. Tanggapan ini yang perlu di konstruksi berdasarkan penilaian sejarah dan realiti politik di Malaysia.

FAHAMAN KUASA REJIM MELAYU-ISLAM TRADISI

Pada asasnya fahaman kuasa membawa makna yang sama yang melibatkan golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah. Dalam pemahaman wacana politik Barat, konsep kuasa menghubungkan elemen autoriti sebagai asas kepada implementasi pemerintahan sesebuah rejim atau pusat kekuasaan (Vincent 1997). Secara umumnya, kuasa menurut K. Ramanathan bermaksud;

“Pengaruh, kawalan dan penyatuan yang berkait rapat antara satu sama lain [...] kuasa adalah sesuatu yang boleh mempengaruhi tingkah laku orang lain. Orang yang membuat sesuatu keputusan itu tertakluk kepada sesuatu tindakan. Kuasa bolehlah dianggap satu kebolehan memaksa orang lain berbuat sesuatu ataupun untuk menjayakan sesuatu rancangan mengikut naluri seseorang walaupun mereka enggan. Ia juga boleh dikatakan satu keupayaan yang berpunca daripada hak dan kedudukan untuk mengawal tabiat dan kelakuan masyarakat secara langsung atau tidak langsung” (1989:79).

Namun begitu, fahaman terhadap makna kuasa tersebut menjadi berbeza akibat daripada kepelbagaian aliran pemikiran, falsafah budaya, sistem sosial, realiti politik dan gerak kerja politik sesuatu aliran atau sesebuah masyarakat menyebabkan makna keseluruhan kuasa tersebut berubah. Keadaan ini berlaku apabila pemaknaan pemusatan kuasa difahami melalui pelbagai kaca mata dan perspektif terutamanya daripada sudut agama, bangsa, sosiobudaya dan agenda politik. Hal ini dalam konteks rejim Melayu tradisi juga dilihat begitu. Pemaknaan kuasa rejim Melayu tradisi tidak boleh dilihat secara keseluruhannya daripada kaca mata wacana Barat. Keadaan ini difahami kerana teras pemusatan kuasa rejim Melayu tradisi tidak bersandarkan kepada elemen demokrasi sosial Barat yang berpandukan konsep ‘satu warga, satu undi dan satu suara’. Dalam konteks ini, sistem politik feodal menjadi teras dalam fahaman dan makna kuasa rejim Melayu tradisi. Justeru itu, adalah tidak adil untuk membuat perbandingan secara mutlak bentuk falsafah kuasa rejim Melayu tradisi dengan pandangan pemikir politik moden seperti John Locke, Jeremy Bentham, Montesquieu, Voltaire dan Thomas Jefferson, yang mana masing-masing telah menyanggah sistem politik feodal dan aristokrat warisan zaman pertengahan di negara mereka.

Bagaimanapun, persoalan yang timbul adakah bentuk kuasa yang difahami dalam rejim Melayu tradisi ini membawa nilai-nilai intelek dan adil kepada keseluruhan masyarakat Melayu tradisi?

Menurut Siddiq Fadzil (2012:92), kuasa dalam sistem politik feodal rejim Melayu tradisi pra Islam lebih memberi nilai kebertanggungjawaban kepada rakyat berbanding rejim pemerintah. Hujah beliau lagi;

Dalam sistem tersebut, rakyat tidak mempunyai hak apa-apa, sebaliknya dibebani tanggungjawab. Kerana itu mereka tidak boleh menuntut apa-apa. Andainya mereka diberikan sesuatu, itu tidak bererti mereka mendapat hak, tetapi menerima kurnia. Dan andainya mereka menerima pelayanan yang tidak adil dari penguasa, ia bukan suatu kezaliman tetapi memang sial diri mereka sendiri” (Siddiq Fadzil 2012:92).

Pandangan di atas berdasarkan kerangka rejim Melayu tradisi ketika itu yang berpusatkan kepada dominasi institusi raja-raja Melayu atau pemusatan *top-down*. Hal ini disebabkan takrifan terhadap fungsi raja-raja Melayu yang berada dalam kedudukan kelas atau hierarki sosial tertinggi dalam sistem sosial Melayu tradisi. Menurut *Sejarah Melayu*, sistem politik dan sosioekonomi masyarakat Melayu tradisi terbahagi kepada dua golongan seperti mana yang difahami, iaitu golongan diraja atau bangsawan sebagai kelas pemerintah dan rakyat jelata sebagai golongan yang diperintah. Klasifikasi ini menyebabkan hubungan mereka berada dalam bentuk menegak.

Kedudukan ini menjadikan struktur kuasa institusi raja-raja Melayu pra Islam dianggap suci, mulia dan kudus. Hal ini kerana raja-raja Melayu dianggap *devaraja*, kesan daripada pengaruh agama Hindu terutamanya dan agama-agama lain seperti Buddha dan fahaman animisme. Pandangan ini selari dengan sebahagian besar sarjana Barat seperti R.O Winstedt, R.J Wilkinson dan W.G. Shellabear yang kemudiannya mentafsirkan secara generalisasi bahawa konsep *devaraja* sebagai teras menaungi falsafah kuasa dan kepimpinan rejim Melayu tradisi ketika itu (Ahamad Jama' Amin 2014:12). Institusi raja-raja Melayu pada ketika itu dilihat mempunyai kuasa pemutus dalam apa jua hal. Manakala rakyat hanya menerima setiap keputusan yang dibuat oleh rajanya tanpa membantah atau pun mengkritik. Sekiranya timbul bantahan dan kritikan daripada rakyat, maka situasi ini dianggap sebagai derhaka. Secara tidak langsung dipercayai telah akan menimpa mereka yang derhaka, menentang, membantah atau mengkritik keputusan raja tersebut. Dalam konteks ini, J.M Gullick (1978:72-75) melihat kepercayaan orang Melayu terhadap sifat yang istimewa dan kuasa yang sukar ditandingi ini dalam kalangan pemimpin mereka timbul akibat daripada elemen kesaktian seperti tulah dan daulat.

Keadaan inilah yang memberikan satu interpretasi feodal terhadap fahaman dan makna kuasa rejim Melayu tradisi ketika itu yang dinaungi institusi raja-raja Melayu.

Nilai-nilai demokratik tidak dilihat sama sekali wujud dalam falsafah kuasa rejim Melayu tradisi. Keadaan ini berlarutan walaupun selepas kedatangan Islam. Pada tahun 1923, Za'ba melalui tulisannya yang berjudul *The Poverty of the Malays* telah mengkritik cara-cara pemerintahan raja-raja Melayu sebelum kedatangan British (*The Malay Mail* 1923). Raja-raja Melayu telah mengabaikan tanggungjawabnya dalam menjaga kebajikan rakyat mereka. Dalam hal ini, penumpuan interaksi hubungan menegak tersebut lebih menumpukan kepada taat setia rakyat kepada rajanya, berbanding keperluan raja melunaskan amanahnya sebagai pemerintah bagi menjaga hak rakyat dan keperluan hakiki rakyat. Malahan pandangan kritikal Za'ba yang menganggap raja-raja Melayu telah memerintah dengan sangat 'kejam dan buas sekali' serta rakyat ditindas dan mereka 'kena perabdian dan kena picit dan perah ramas di tangan pemerintah-pemerintahnya' (Adnan Awang 2009:176). Pandangan Za'ba ini selari dengan penelitian Siddiq Fadzil dalam usaha mengupas dan menilai kriteria kepimpinan dan fungsi kuasa raja-raja Melayu tradisi. Institusi raja-raja Melayu tradisi disimpulkan sebagai *manipulator*, *self-interest* dan *actual power* dalam memperlihatkan interaksi kuasa di antara golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah. Konsep penaung-dinaungi atau *patron-client* dalam melunaskan amanah merupakan satu inti pati utama struktur dan fahaman kuasa rejim Melayu tradisi. Gambaran negatif ini yang menggambarkan *weltanschauung* fahaman kuasa rejim Melayu tradisi ketika itu. Kerangka kekuasaan yang dibentuk membawa kepada budaya intelek yang parokial yang meletakkan orang-orang Melayu tradisi terus-menerus bergantung harap kepada *patronage systems* dalam menterjemahkan kuasa realiti tersebut. Rakyat tidak berani menegur, mengkritik dan mengemukakan cadangan dalam sesuatu isu bagi memastikan kemaslahatan dan kekuatan kuasa institusi raja-raja Melayu tradisi.

Kedatangan Islam telah membentuk satu kerangka dan fahaman kuasa yang menjustifikasikan nilai tauhid, akhlak dan ibadah dalam sistem sosiopolitik Melayu. Fahaman kuasa mula dijenamakan dan diadunkan dengan nilai spiritual Islam dalam usaha mencapai *baladun tayyibatun wa rabbun ghafur*. Institusi raja-raja Melayu

digambarkan sebagai *al-sultan zillu 'Llahi fi 'l-ard* (sultan bayangan Allah di bumi). Proses transformasi ini adalah satu bentuk pengukuhan kedudukan raja-raja Melayu ketika itu yang dianggap sebagai 'pewaris khalifah di muka bumi oleh Allah' (Zainal Kling 1986). Dalam konteks ini, konsep kekhalifahan mula diperkenalkan dalam falsafah pemerintahan institusi raja-raja Melayu terutamanya pemerintahan kesultanan Melayu Melaka (Ahamad Jama' Amin 2014:16). Gambaran ini menunjukkan fungsi institusi raja-raja Melayu yang tidak lagi hanya bersifat penaung semata-mata, tetapi lebih daripada itu iaitu sebagai pelindung dan pembela kepada rakyat. Kebertanggungjawaban dan amanah menjadi teras dalam falsafah kuasa yang digagaskan institusi raja-raja Melayu. Hal ini membawa makna bahawa adalah menjadi asas tanggungjawab institusi raja-raja Melayu untuk mempertahankan kedaulatan umat atau rakyat, keadilan, perpaduan dan keamanan daripada segi politik, ekonomi dan sosial rakyat yang menaunginya. Secara asasnya fahaman kuasa ini selari dengan kehendak siasah syariah Islam seperti mana yang berlaku dalam peristiwa *Saqifah Bani Saadah* iaitu pelantikan Saidina Abu Bakar as-Siddiq sebagai Khulafa ar-Rashidin yang pertama melalui proses musyawarah. Baiah pertama melalui ikrar yang dilafazkan oleh Saidina Abu Bakar as-Siddiq sejourus dilantik khalifah yang pertama dianggap sebagai manifesto yang julung-julung ada dalam peradaban manusia.

Konsep kuasa difahami secara *fiqh al-ta'ayush* (fikah hidup bersama sesama insan) yang menghubungkan keperluan pemerintah untuk melunaskan tanggungjawabnya kepada golongan yang diperintah, di samping amanah secara kolektif yang perlu dipikul bersama untuk memastikan solidariti dan kemakmuran agama, negara dan bangsa. Bebanan yang dipertanggungjawabkan kepada pemerintah (institusi raja-raja Melayu) bukanlah bermaksud fungsi tugas yang diterima secara *coercive*, tetapi merupakan satu bentuk penerimaan secara *consent* secara hakiki dan berstruktur. Dalam *Sejarah Melayu* yang diselenggarakan Shellabear (1981:170), merekodkan wasiat Sultan Mansor Shah di saat kemangkatannya tentang tanggungjawab bakal penggantinya supaya memerintah dengan adil, sabar, mengambil berat kesejahteraan rakyat, menghakiskan sikap tamak dan peringatannya terhadap hadis Rasulullah SAW berkenaan tanggungjawab pemimpin ke atas rakyat yang dipimpin. Malahan dalam *Sejarah Melayu* juga, peristiwa di antara Sang Sapurba dengan

Demang Lebar Daun merupakan satu bentuk contoh ikatan klasik (*waadat*) yang dapat memperlihatkan nilai kebertanggungjawaban dan amanah antara golongan memerintah dan yang diperintah.

Konsep *waadat* ini merupakan satu bentuk manifestasi hubungan kesetiaan rakyat terhadap raja dan keadilan raja terhadap rakyat, pengiktirafan terhadap maruah dan martabat keinsanan rakyat serta hukum syarak sebagai asas rujukan. Begitu juga dalam *Hikayat Raja Pasai* berkaitan wasiat Sultan Malik al-Mahmud kepada anaknya Sultan Ahmad tentang kepatuhan ajaran Allah SWT dan pengukuhan agama Islam.

Hai anakku [...] baik-baik engkau memelihara dalam kerajaanmu ini akan segala pekerjaan amar Allah dan amar Rasullullah dan menegahkan segala larangan keduanya [...] (Denisova 2011:129).

Rentetan peristiwa ini dapat dikupas dengan baik oleh Siddiq Fadzil dalam bukunya yang berjudul *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat* (2012:93).

Ungkapan yang mengiringi kata *zillu 'Llah* itu menjelaskan maksud sebenar kata bayangan Tuhan tersebut, iaitu pemerintahan Sultan harus membayangkan keadilan Tuhan—melindungi yang lemah, membela yang teraniaya [...].

Namun begitu, perlu juga dilihat elemen '*urf* dalam konteks pengamalan interaksi kuasa dalam rejim Melayu tradisi. Sejarah peradaban Melayu menunjukkan nilai '*urf* merupakan komposisi utama dalam membentuk kefahaman dan penghayatan interaksi kuasa dalam rejim Melayu tradisi sama ada era pra Islam atau pasca Islam. Secara tidak langsung, sejarah peradaban Melayu memperlihatkan fahaman dan prinsip kuasa yang digagaskan oleh kepimpinan Melayu dengan mengambil kira budaya lokal Melayu itu sendiri yang kemudiannya diadunkan dengan nilai-nilai Islam yang universal. Bagaimanapun, dalam konteks fahaman kuasa Melayu, sejarah telah menunjukkan abiliti '*urf* Melayu dilihat menguasai kerangka dan struktur kuasa. Hal ini dapat dilihat melalui teguran Raja Ali Haji yang tercatat dalam *Thamarat al-Mahamah* tentang manipulasi kuasa oleh Sultan Mahmud Syah (Riau-Lingga) atas sikapnya yang bermewah dan ketidakpedulian terhadap rakyat, kesan daripada nilai '*urf* dalam kotak pemikiran Melayu yang mengangkat raja-raja Melayu pada tahap yang tidak boleh 'disentuh' dan keadaan ini tidak selari dengan prinsip Islam (Andaya dan Matheson 1983). Komposisi '*urf* dalam kerangka kuasa rejim Melayu daripada

segi sisi negatifnya akan mewujudkan hubungan tidak seimbang kerana kepercayaan 'keterlaluan' terhadap penaung (raja-raja Melayu atau golongan bangsawan). Suasana ini menjadikan nilai-nilai demokrasi dalam struktur kekuasaan Melayu seakan tidak kelihatan impak daripada manipulasi '*urf* oleh golongan pemerintah. Menurut Ahmat Adam (2013:46) dalam kupasannya;

"Dalam kerangka budaya politik Melayu tradisional, pemimpin juga dikatakan sangat taasub dengan apa yang disebutnya *formalities* atau 'rasmi-rasmian'. Seseorang raja tidak mementingkan isu sebenar tetapi lebih mementingkan tertib dan taraf".

Secara dasarnya, diakui keberhasilan pengaruh Islam membudayakan nilai-nilai adab dalam kepimpinan kuasa rejim Melayu tradisi seperti mana yang diujahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972). Namun begitu, '*urf* Melayu gagal mengangkat kepekaan sivil dalam kalangan golongan yang diperintah atau rakyat secara intelek dan sistematik. Hal ini bermaksud walaupun Islam menekankan elemen hak, adil dan amanah sama ada golongan yang memerintah atau diperintah, namun daripada segi praktisnya dalam sistem kemasyarakatan Melayu ia seakan tidak ditonjolkan secara terbuka. Keadaan ini kerana feudalisme dalam institusi kekuasaan raja-raja Melayu masih merupakan tema dan agenda bangsa. Keprihatinan terhadap kedudukan, status dan martabat juga digambarkan oleh kata-kata perbilangan Melayu lama (Lihat Ahmat Adam 2013:46);

Yang tinggi bersusun-susun
Yang rendah bertingkat-tingkat
Tingginya menurut adat
Rendahnya menurut patuh

Yang raja pada rajanya
Yang datuk pada datuknya
Yang patut pada patutnya

Terpacak selembayung rabung Melayu
Bagai tangan tadah-tadahan
Yang tahu kecil dirinya
Yang tahu papa dengan kedana
Yang tahu nasib dengan untungya
Yang bercakap di bawah-bawah
Yang mandi di hilir-hilir

Yang patut dipatutkan
Yang tua dituakan

Yang berbangsa dibangsakan
Yang berbahasa diberbahasakan.

EXCEPTIONALISM (POLITICS OF EXCEPTION): MODENISASI DAN PEMECAHAN PEMAKNAN KUASA

Pandangan politik pascakolonial telah membuka ruang perdebatan baru dan bentuk kefahaman yang lebih 'belahan politik' terhadap fungsi kuasa rejim Melayu. Pemaknaannya lebih *moderate* dan mencetuskan suasana kefahaman politik yang lebih terbuka bentuknya. Dalam hal ini, definisi kuasa secara praktisnya mulai berubah yang cenderung kepada spekulasi dan manipulasi. Bagaimana elemen spekulatif dan manipulatif mampu mempengaruhi struktur kuasa rejim Melayu? Persoalan ini banyak berkait rapat dengan apa yang dipanggil sebagai falsafah *exceptionalism* dalam kepemimpinan politik Melayu. *Exceptionalism* atau juga dikenali sebagai *politics of exception* merupakan satu aliran kefahaman Barat yang merujuk kepada perbuatan, pelaksanaan polisi dan bentuk kuasa yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat tetapi ia boleh diterima dan dikecualikan daripada tindakan undang-undang seperti mana yang berlaku dalam sejarah Eropah moden terutamanya semasa era rejim pemerintahan Nazi di Jerman (Lihat kupasan Agamben 2005). *Politics of exception* diimplementasikan dengan kemampuan yang membenarkan hak-hak individu seseorang dinafikan atau dikecualikan bagi memastikan perluasan kuasa dan kewajaran politik sesebuah rejim kekuasaan dikekalkan dengan alasan untuk memastikan solidariti dan keselamatan politik dapat diwujudkan (*state of exception*).¹ Dalam erti kata yang lain, *politics of exception* membenarkan suatu bentuk tindakan yang menyalahi norma-norma kehidupan manusia dan juga pandangan agama. Namun begitu, masyarakat masih menerimanya sebagai satu bentuk kekuasaan untuk memastikan *political will* sesuatu pihak atau rejim berjalan mengikut acuannya, sistematik dan lancar (Lihat tulisan Neal 2010; Agamben 2005).

Dalam konteks kepemimpinan politik Melayu, *politics of exception* telah lama wujud sejak era kepemimpinan institusi raja-raja Melayu tradisi. Tidak dinafikan kedatangan Islam telah mengubah *weltanschauung* struktur kekuasaan kepemimpinan Melayu tradisi, namun nilai-nilai 'urf seperti mana yang dijelaskan sebelum ini masih lagi sehati

kekal malah seakan disuburkan dengan 'bantuan' rejim imperialis pada era kolonial. Perkembangan terhadap pemikiran kolonialisme sejak abad ke-19 terutamanya telah membawa satu bentuk dimensi baru yang berasaskan *politics of exception*. Hujah ini berdasarkan peristiwa pembunuhan Tok Janggut di Kelantan pada tahun 1915. Pemberontakan Tok Janggut terhadap British berjaya di spekulasi dengan cukup berkesan oleh rejim kolonial sebagai satu bentuk penderhakaan kepada kepimpinan Sultan Kelantan pada ketika itu. Rejim kolonial British melalui Penasihat British, W. Langham Carter berjaya meyakinkan Sultan Muhammad IV untuk memerangi Tok Janggut yang dianggap 'penderhaka' yang menyebabkan pejuang tersebut terbunuh pada 24 Mei 1915 dan mayat beliau kemudiannya diarak ke Kota Bharu serta digantung kepala ke bawah di Padang Merdeka (Padang Bank) selama empat jam (Nik Anuar Nik Mahmud 2005). Dalam konteks ini, rejim kolonial British mampu meyakinkan bukan hanya kepada Sultan Kelantan sahaja, tetapi memanipulasikan rakyat negeri tersebut terhadap kewajaran tindakannya. Kuasa politik yang digagaskan oleh rejim kolonial British terhadap kepimpinan Sultan Kelantan ketika itulah yang dilihat sebagai satu bentuk *exceptional* dalam konteks kepemimpinan Melayu dengan menerapkan fahaman *politics of exception*. Menurut Edward Said (2009: 206);

"...orang Eropah, sama ada tetapi sudah tentu kaum peribumi tidak boleh semuanya benar-benar dilenyapkan dan pada hakikatnya mereka semakin mengganggu kesedaran empayar. Lantas menyusul rancangan untuk mengasingkan peribumi-orang Afrika, Melayu, Arab, Berber, India, Nepal, Jawa dan Filipina-daripada orang kulit putih atas dasar kaum dan agama dan selepas itu untuk membentuk mereka semula sebagai bangsa yang memerlukan kehadiran melalui penyemaian faham penjajah atau melalui wacana agung apabila boleh dipadankan dan dikerah untuk bekerja."

Perbincangan Edward Said berkaitan 'peribumi yang dikuasai' ini boleh dilihat daripada segi perspektif era kolonial dan kesannya selepas itu terutamanya pascakolonial. Sejarah kebangkitan Tok Janggut dan hubungannya dengan 'peribumi yang dikuasai' yang dibahaskan Edward Said mampu difahami daripada tiga aspek yang memperlihatkan fahaman dan makna kuasa rejim Melayu tradisi tidak lagi berlegar dalam kalangan institusi raja-raja Melayu lagi, malahan mula mengalihkan pemusatan kuasanya kepada pihak ketiga iaitu rejim kolonial British. Pertama, institusi raja-raja Melayu tidak dilihat lagi sebagai satu bentuk kekuasaan yang

'unggul' seperti mana yang digagaskan sebelum ini. Dalam erti kata lain, institusi raja-raja Melayu tidak lagi dianggap sebagai 'penyelesai' mutlak permasalahan rakyat. Kedua, garis pemisah di antara rakyat dengan raja makin melebar dengan adanya peranan rejim kolonial British yang lebih dominan dan sebagai pengganti yang 'ideal' sifatnya berbanding institusi raja-raja Melayu yang digambarkan sombong dan riak. Manakala ketiga, institusi raja-raja Melayu gagal bertindak seperti mana yang termaktub dalam *waadat* dan konsep kepimpinan yang dianjurkan oleh agama Islam seperti adil, amanah, bertanggungjawab dan bijaksana. Ketiga-tiga faktor tersebut merupakan pemangkin kepada perubahan 'pasak' kuasa tersebut dan menjadi asas strategi kepada keberhasilan *politics of exception* rejim kolonial British. Perubahan pusat kekuasaan ini menjadikan ketidakrelevan istilah 'ke-raja-an' seperti mana yang dikupaskan oleh Anthony Milner dalam bukunya *The Malays* sebelum ini yang melihat hegemoni raja-raja Melayu dan 'kewujudan negara ditentukan melalui wujudnya raja' dalam sistem politik Melayu tradisi (Milner 2008).

Secara tidak langsung, pemaknaan kuasa dalam kepimpinan Melayu mula dinilai secara objektif terutamanya dalam kalangan pemikir-pemikir reformis Melayu seperti Za'ba khususnya ataupun Abdullah Munshi sebelum ini. Menurut Adnan Awang dalam bukunya *Za'ba dan Melayu*, Za'ba adalah antara pemikir Melayu terawal yang mengkritik peranan raja-raja Melayu dalam mempertahankan hak-hak orang Melayu, agama Islam dan membantu menaikkan taraf sosioekonomi orang Melayu semasa era kolonial (Adnan Awang 2009:177). Menurutnyanya lagi;

Beberapa contoh dari pengekal sistem sosial tradisi itu dapat dilihat dari kewujudan 'kemiskinan' dalam kehidupan orang Melayu itu sendiri. Aspek ini memang disadari Za'ba dan beliau mengemukakan pandangan yang kritis terhadapnya. Satu contoh yang paling jelas yang pernah dikemukakan Za'ba ialah tentang kelahiran 'tamadun' baru yang diakibatkan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu ini. Orang Melayu disifatkan oleh Za'ba sebagai berterusan berada 'jauh dari suara loceng', bermaksud kekal dengan alam sekitar tradisi dan terpisah dan dinafikan daripada menikmati sebarang pembangunan ekonomi kolonial di Tanah Melayu." (Adnan Awang 2009:177).

Pandangan kritikal Za'ba membuka ruang jawapan terhadap kedudukan raja-raja Melayu dalam struktur politik negeri-negeri Melayu pada masa itu. Daripada era kolonial hinggalah kemerdekaan negara pada 1957 dan pembentukan Persekutuan

Malaysia pada 1963, raja-raja Melayu digambarkan berada dalam kedudukan 'super-struktur', yang mana mereka dilihat kebal, berpengaruh dan penaung kepada rakyat. Namun begitu, sejarah membuktikan 'kekebalan' itu lebih kepada persepsi yang berjaya dibina oleh rejim kolonial British dalam usaha mempermudah lagi keberhasilan matlamat mereka menguasai politik, ekonomi dan lebih parah lagi membentuk 'kerangka' pemikiran Melayu. Hal ini dapat dijelaskan melalui tindakan Stamford Raffles 'mempermainkan' institusi raja-raja Melayu seperti mana yang berlaku dalam kes pengambilan Singapura daripada kesultanan Melayu Johor. Begitu juga di negeri-negeri Melayu yang lain seperti krisis yang berlaku di Kedah (awal 1800-an), Perak (1870-an), Selangor (1870-an), Negeri Sembilan (1880-an) dan Pahang (1890-an). Pada masa yang sama juga dilihat kelicikan rejim kolonial British membawa imigran dari China dan India atas alasan untuk 'memakmurkan ekonomi dan memenuhi keperluan negeri-negeri Melayu' dan ia dipersetujui oleh raja-raja Melayu.

Dua peristiwa klasik sejarah ini memberikan begitu banyak impak sosiopolitik yang membawa kepada pelbagai perdebatan yang mengaitkan kuasa dan kedudukan raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu dan pembentukan masyarakat majmuk (*plural society*). Secara sinis Swettenham mengatakan, "Raja-raja muda dan anak bangsawan yang lain bermain gasing, menyabung ayam, berjudi, menghisap candu, bercinta-cintaan dan beberapa di antaranya merompak, berkelahi, dan membunuh" (Swettenham 1955:136). Dalam konteks ini, institusi raja-raja Melayu dilihat begitu 'dangkal' dalam memastikan pengukuhan kekuasaannya dan juga kondisi kesetiaan yang terus-menerus dibebankan kepada rakyat berbanding amanah yang perlu dipikul golongan yang memerintah. Akhbar *Suara Rakyat* memuatkan kritikan terbuka kepada raja-raja Melayu apabila mengabaikan hak-hak ekonomi rakyat dan lebih mementingkan kapitalis luar mengeksploitasi sumber negeri-negeri Melayu (*Suara Rakyat* 16 November 1945:2). Persoalan yang sentiasa dibahaskan dalam merujuk isu ini ialah 'laluan yang dibuka' oleh raja-raja Melayu kepada rejim kolonial British dan impaknya kepada rakyat yang lebih 'dipertanggungjawabkan' dalam memastikan kedaulatan raja-raja Melayu terpelihara dan hak-hak Melayu terjamin.

Bagaimanapun, pentafsiran sejarah terhadap pemaknaan kuasa pasca kolonial mulai berubah dan semakin kritikal bentuknya (Reid 2004). Beberapa

sebab yang mencetuskan elemen kritikal tersebut. Pertama, sistem politik dunia yang cenderung berubah kepada sistem demokrasi. Kedua, bentuk pengaruh raja-raja Melayu kesan daripada sistem federalisme yang diguna pakai di Malaysia. Ketiga, pembentukan dan penguasaan elit politik Melayu dan terakhir iaitu keempat, pandangan rakyat bukan Melayu terhadap *weltanschauung* politik di Malaysia. Paling penting bagaimana keempat-empat faktor tersebut saling berinteraksi dan mampu dijadikan *politics of exception* dalam mengekalkan *status quo* kepimpinan Melayu di Malaysia. Rustam A. Sani dalam bukunya *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia* menjelaskan secara analitikal cabaran kepimpinan Melayu dalam konteks pembentukan bangsa Malaysia selepas kemerdekaan. Penelitian beliau secara tidak langsung dapat menghubungkan keempat-empat faktor yang dinyatakan di atas. Menurutnya;

Cabaran pembinaan negara-bangsa ini terutamanya merupakan cabaran yang rumit bagi negara seperti Malaysia. Bagi negara ini, keperibadian negara-bangsa itu perlulah dijalin secara kreatif daripada unsur-unsur yang bersifat berbilang kaum dan berbilang budaya yang diwariskan kepadanya oleh pengalaman sejarah kolonialnya. Kerangka sosial yang kita warisi daripada sejarah kolonial itu amat rapuh dan mudah meletus sifatnya. Oleh yang demikian, sedikit sekali tenaga politik dan cendekia yang sempat kita curahkan terhadap usaha memperdebatkan dan menggubal satu tanggapan yang jelas tentang gagasan negara-bangsa yang kita hasratkan. Hampir keseluruhan tenaga kita telah kita curahkan kepada usaha menangani pembangunan fizikal negara dan usaha mengawal kemungkinan teretusnya pergeseran antara kelompok etnik dalam zaman pascakolonial (Rustam A. Sani 1993:79).

Memahami dan meneliti faktor yang pertama iaitu pendemokrasian di Malaysia pascakolonial berkait-rapat dengan sistem politik moden yang dipraktikkan secara legal. Dalam konteks ini, susun lapis aktor-aktor politik mula berubah dengan adanya pembentukan kelas elit politik Melayu (akan dibahas dalam faktor ketiga) dan muncul pengikut-pengikutnya dalam bentuk organisasi yang lebih tersusun dan bervisi seperti *United Malays National Organization* (UMNO). Keadaan ini berlaku kesan daripada proses demokrasi itu sendiri yang menuntut kepada keperluan pilihan raya sebagai mekanisme memilih pemimpin yang kemudiannya menentukan bentuk pemerintahannya (kuasa). Bentuk suasana ini menjadikan ruang demokrasi itu membolehkan rakyat memantau setiap keputusan yang dibuat rejim pemerintah lebih *equilibrium*, adil dan bermanfaat sama ada kepada rakyat itu sendiri, agama dan negara. Paling menarik untuk didebatkan

adalah elemen tradisi seperti institusi-institusi raja Melayu dikekalkan, tetapi dalam kerangka kuasa yang terbatas mengikut ketetapan perlembagaan.

Sekiranya diteliti kenyataan Rustam A. Sani yang mengatakan “Kerangka sosial yang kita warisi daripada sejarah kolonial itu amat rapuh dan mudah meletus sifatnya”, membawa pelbagai makna dan interpretasi. Dalam hal ini, kenyataan teoretikal tersebut dalam konteks sejarah politik Malaysia dianggap sebagai *politics of exception* yang digunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalam memastikan kuasa mereka terus kekal dan dapat menentukan ‘bentuk-bentuk’ halangan yang minimum terhadap mereka. Bentuk-bentuk halangan minimum tersebutlah boleh diinterpretasikan sebagai suara atau gerakan penentangan yang masih dikawal pengaruhnya melalui penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri-ISA 1960 dan Akta Hasutan 1948. Akta-akta tersebut merupakan warisan kolonial yang masih dipraktikkan kecuali Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dimansuhkan pada tahun 2011. Kedua-dua akta tersebut dalam ruang demokrasi dibenarkan dan dilihat relevan oleh rakyat. Pada masa yang sama, akta tersebut boleh dijadikan senjata rejim pemerintah untuk mengawal, membanteras dan menyekat pihak-pihak tertentu yang boleh mengganggu-gugat rejim pemerintah (Barisan Nasional). Berdasarkan rekod sejarah, hampir 10,883 orang telah ditahan di bawah Seksyen 8(1) ISA, manakala 4,461 orang telah dikenakan perintah tahanan sehingga 2011.

Sejak tahun 1957-1998, rakyat secara umumnya tidak melihat manipulasi demokrasi seperti menggunakan instrumen perundangan, kerajaan dan media oleh rejim pemerintah sebagai satu kesalahan. Hal ini kerana mereka berpandangan tindakan yang dilakukan rejim pemerintah adalah salah satu cara bagi memastikan ketenteraman awam dipelihara dan negara berada dalam keadaan aman. Tambahan lagi, dalam tempoh tersebut isu ekonomi mendominasi ruang pemikiran rakyat Malaysia ketika itu selepas diperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 kesan daripada ketidakseimbangan ekonomi yang membawa peristiwa 13 Mei 1969. ‘Keberanian’ ini berasaskan kedudukan rejim pemerintah (UMNO dan BN) yang begitu kukuh dan menguasai hampir 95 peratus Dewan Parlimen sejak 1955 hinggalah 2004 (kecuali 1969) dan memerintah semua negeri kecuali Kelantan (1959-1977, 1990-kini), Terengganu (1959-1961, 1999-2004), dan Kedah (2008-2013). Justeru, UMNO terutamanya

dalam kalangan orang-orang Melayu dan Barisan Nasional (BN) amnya bagi orang bukan Melayu sentiasa dilihat parti monolitik dalam memastikan kelangsungan rakyat.

Dalam 'menyuburkan' demokrasi di Malaysia secara *politics of exception*, ia secara tidak langsung membawa kepada kecenderungan ke arah sistem autoritarian. Polemik ini yang dikupas dengan begitu kritis oleh Harold Crouch dalam tulisannya *Government and Society in Malaysia*. Menurut beliau lagi persekitaran budaya politik dan sistem kuasa sebegini yang membawa kepada *incremental-authoritarianism* dalam sistem demokrasi di Malaysia (Crouch 1996). Bagaimanapun dalam konteks negara pelbagai kaum ini, selepas tahun 1998 demokrasi yang terbentuk di Malaysia dianggap *false awareness* oleh segelintir pihak terutamanya yang berbeza pandangan dengan rejim pemerintah dan ini meningkatkan lagi agregat kepentingan bagi memastikan hak sivil rakyat terus dibudayakan selaras dengan tuntutan demokrasi oleh pihak-pihak berkenaan sama ada parti politik pembangkang atau agensi bukan kerajaan.

Seterusnya faktor yang kedua iaitu bentuk dan pengaruh raja-raja Melayu kesan daripada sistem federalisme yang diguna pakai di Malaysia (Harding dan Chin 2014). Persoalan yang cuba dibangkitkan dalam meneliti faktor kedua ini adalah sejauh manakah institusi raja-raja Melayu mampu berinteraksi dengan berkesan sebagai ketua negara dan simbol kedaulatan negara. Hal ini penting dalam memberi penjelasan daripada sudut bidang kuasa institusi raja-raja Melayu yang terangkum dalam sistem demokrasi di Malaysia. Prinsip pengasingan kuasa meletakkan institusi raja-raja Melayu sebagai satu badan yang mempunyai fungsi tugas yang tersendiri seperti mana yang termaktub dalam kriteria negara raja perlembagaan. Perkara 40 dan 181 Perlembagaan Persekutuan Malaysia secara jelas memperincikan bidang kuasa dan kedaulatan institusi raja-raja Melayu dalam konteks politik moden. Bentuk kuasa yang dimiliki raja-raja Melayu kini tentunya dilihat begitu berbeza jika dibandingkan dengan sistem politik Melayu tradisi seperti mana yang dikupas sebelum ini. Namun begitu, timbul persoalan daripada segi realitinya adakah kuasa institusi raja-raja Melayu hanya dilihat daripada sudut 'permukaan' sahaja atau simbol kepada kedaulatan prinsip negara raja perlembagaan seperti mana yang dinyatakan sebelum ini. Keadaan ini timbul apabila bentuk sistem kuasa yang digambarkan dalam konteks politik moden sering

dilihat sebagai tidak mampu untuk meletakkan peranan institusi raja-raja Melayu secara efisien dan mewujudkan politik matang di Malaysia.

Bagaimanapun, hujah tersebut dinafikan Anthony Milner dalam syarahannya yang bertajuk *Malaysian Monarchy and the Bonding of the Nation* di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2011. Bagi Milner institusi raja-raja kini telah menggunakan kuasa mereka untuk menentukan kepentingan rakyat tidak diabaikan. Malahan Milner mengatakan raja-raja di Malaysia telah berjaya mengekalkan kedaulatan mereka sejak zaman penjajah misalnya menunjukkan nilai kepimpinan yang tinggi waktu negara sedang menuju kemerdekaan. Mereka menentang Malayan Union di London dan juga di tanah air, mereka memberi tekanan kepada pihak British untuk menangani soal pendatang dan memberi jangka masa untuk kemerdekaan. Institusi raja-raja Melayu (sultan-sultan di Malaysia) menggunakan kuasa mereka di sebalik tabir dan pengaruh mereka secara diam dan jauh daripada perhatian media. Bagaimana pun terdapat berapa kejadian di mana mereka mendapat liputan akhbar yang memberi gambaran tahap kuasa yang mereka miliki. Selain itu, bagi mengukuhkan hujahnya Milner memberi beberapa contoh di mana Sultan telah melantik Menteri Besar yang bukan pilihan pertama parti yang menguasai kerusi terbanyak dalam Dewan Undangan Negeri, manakala ada Menteri Besar yang terpaksa meletak jawatan kerana tidak mendapat keyakinan istana. Situasi ini adalah beberapa keadaan di mana pihak istana telah menggunakan kuasa mereka yang termaktub dalam perlembagaan (Lihat Milner 2011).

Hujah Milner ini memberi satu bentuk gambaran hakiki kuasa institusi raja-raja Melayu. Sekali gus ini menunjukkan *politics of exception* diimplementasikan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri (UTKN) dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam krisis pelantikan Menteri Besar di Perak (2009-2010) di Perak misalnya boleh dijadikan satu contoh keabsahan kuasa raja-raja Melayu seperti yang diperuntukkan dalam UTKN tersebut. Perkara 16(2)(a)², 16(4)³, 16(6)⁴ dan 18(2)(b)⁵ UTKN Perak memperuntukkan bidang kuasa khusus kepada Sultan Perak berkaitan kuasa pelantikan Menteri Besar dan memecatnya. Malahan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, raja-raja Melayu mempunyai kuasa budi bicara dalam menjalankan hal pemerintahan. Hal ini termaktub dalam Jadual Kelapan Perkara 71(2).⁶ Secara tidak langsung daripada sudut perundangan, raja-raja Melayu khususnya di Perak menampakkan

'kuasa tersembunyi' seperti mana yang dihuraikan secara mendalam oleh Milner. Walaupun pada masa yang sama, pihak-pihak tertentu terutamanya Pakatan Rakyat (PR) melihat ia sebagai 'agenda tersembunyi' dan tidak adil yang menafikan hak majoriti rakyat Perak yang memilih PR dalam pilihan raya umum 2008.

Di samping itu, faktor yang ketiga iaitu pembentukan dan penguasaan elit politik Melayu juga merupakan kesan jangka panjang daripada warisan pemikiran kolonial. Dalam sejarah jelas memperincikan sebelum kemerdekaan, rejim kolonial British lebih cenderung memberi tanggungjawab kepada elit politik Melayu 'aliran kanan' berbanding aliran kiri. Keadaan ini berlaku akibat pendekatan politik aliran kanan yang lebih menguntungkan kepada rejim kolonial British sama ada daripada sudut politik, ekonomi dan sosial dan pada masa yang sama wujudnya 'tradisi hubungan' di antara mereka yang kebanyakannya adalah produk daripada sistem pendidikan British (Lihat tulisan Ishak Saat 2014; Ahmat Adam 2013; Ramlah Adam 2004, 1998, 1994; Muhammad Abu Bakar 1994; Ahmad Nidzamuddin 1988; Kessler 1986; Funston 1980; Milne 1967; Nabir Abdullah 1976). Sehubungan itu, penelitian bagaimana kaitan di antara kefahaman makna kuasa yang baru dengan pembentukan dan penguasaan elit politik Melayu dilihat daripada sudut agenda modenisasi dalam budaya politik moden di Malaysia yang melahirkan kefahaman perlunya mengekalkan tradisi *patronage system* yang kini beralih kepada kelompok elit politik Melayu dan bukan lagi institusi raja-raja Melayu. Secara tersirat wujud kontradiksi di antara tuntutan modenisasi dengan pengekal *status quo* elit politik Melayu. Hal ini kerana, ia bertentangan dengan amalan demokrasi itu sendiri yang mementingkan 'kebebasan untuk berpolitik dan kebebasan untuk berpihak' tanpa perlu adanya kebergantungan kepada elit politik secara total.

Dalam konteks politik pascakolonial dan era kemerdekaan, golongan elit politik Melayu semacam 'menggantikan' peranan institusi raja-raja Melayu (Case 1996). Keadaan ini dapat dilihat melalui kuasa *de facto* yang dimiliki oleh sekelompok elit politik Melayu dalam menentukan dan membuat keputusan yang selalunya dikaitkan dengan kuasa mutlak raja-raja Melayu terutamanya pada zaman Melayu tradisi dahulu. Hujah ini seakan bertentangan dengan faktor yang kedua yang diteliti sebelum ini. Namun, situasi ini dapat digambarkan secara jelas apabila kedudukan elit politik Melayu

pada masa-masa tertentu 'melebihi kekuatan' yang dimiliki institusi raja-raja Melayu. Sebagai contoh, semasa era Mahathir Mohamad (Mahathirisme) yang dilihat mendominasi dalam pemerintahannya, sehinggakan mampu menamatkan kekebalan institusi raja-raja Melayu yang dilaksanakan secara berperingkat dari tahun 1984 sehinggalah 1993 tanpa persetujuan Yang di-Pertuan Agong pada waktu itu (Khoo Boon Teik 1995).⁷ Malahan era rejim Mahathir ini menyebabkan pemerintahan beliau dikenali *populism authoritarian* (Anne Munro-Kua 1998) dan *coercive consociationalism* (Mauzy 1995). Tindakan Mahathir ini dilihat sebagai satu proses mencabar pemikiran konservatif yang selama ini menaungi bentuk kuasa dan segala pendekatan politik golongan sealirannya (Welsh 2004). Tambahan lagi, peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti Perkara 39 dan Perkara 40 sering dimanipulasikan sebagai *politics of exception* oleh elit politik Melayu (Perdana Menteri). Selepas kemerdekaan 1957, hubungan menegak lebih cenderung di antara rejim elit politik Melayu khususnya UMNO dengan rakyat, namun ia mula beralih kembali kepada raja-raja Melayu dengan rakyat selepas tahun 2009.

Faktor yang terakhir iaitu keempat adalah pandangan rakyat bukan Melayu terhadap *weltanschauung* politik di Malaysia khususnya 'kekuasaan hakiki Melayu'. Pandangan kritikal mereka ini membawa kepada suasana belahan politik di Malaysia. Belahan politik begitu jelas dalam konteks politik di Malaysia selepas tahun 1998 akibat perkembangan gerakan reformasi yang dicetuskan oleh Anwar Ibrahim (Allers 2014; Welsh 2013). Kesedaran kepada politik kelas mula timbul terutamanya dalam kalangan golongan intelektual, aktor politik, aktivis sosial dan aktivis pelajar. Golongan ini lebih cenderung melihat situasi politik Malaysia dalam kerangka liberal iaitu menekankan kepada hak-hak kebersamaan, keadilan sejagat dan kebebasan asasi seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sama ada sedar atau tidak, sebahagian besar yang mendukung asas politik liberal ini adalah orang bukan Melayu terutamanya orang Cina dan segelintir orang India. Pandangan mereka terhadap 'kuasa hakiki Melayu' mula disimpulkan daripada perspektif kerangka yang 'menindas'.

Takrifan menindas ini kesan daripada *politics of exception* rejim elit politik Melayu khususnya UMNO yang sering dilihat menggunakan instrumen perundangan, media dan agensi kerajaan seperti mana

dijelaskan sebelum ini. Mereka mendakwa rejim UMNO terbabit secara langsung dalam menentukan beberapa keputusan berkaitan beberapa *hight impact issue* seperti inkues Teoh Beng Hock, perbicaraan Altantunya, kematian Kugan, Laporan Suruhanjaya Pendatang Asing Di Sabah (Laporan RCI) dan lain-lain lagi. Pada pandangan mereka kesemua ini merupakan asas hujah yang menunjukkan kegagalan rejim UMNO membudayakan demokrasi di Malaysia. Malah, mereka melihat fahaman perkauman yang dibawa oleh rejim UMNO sebagai penyubur demokrasi menjadikan Malaysia sebagai negara yang sentiasa terdedah kepada konflik perkauman dan risiko mewujudkan demokrasi fahaman kuku besi. Menurut Von Vorys;

Dengan mengakui wujudnya keabsahan golongan perkauman, sistem demokrasi mengalah daripada mengenakan halangan yang bersifat kepuasan bukan kebendaan dan dengan itu mewujudkan keperluan kepada satu margin pampasan yang berupa ganjaran kebendaan (Von Vorys 1975:431).

Kegagalan melihat demokrasi daripada sudut kaca mata yang sama kemudiannya membawa kepada pembentukan kumpulan-kumpulan *chauvinist* yang muncul akibat rasa ketidakpuasan hati dan ketidakadilan dalam kalangan masyarakat Cina atau India di Malaysia terutamanya pascareformasi 1998. Kumpulan *chauvinist* ini bergerak dalam parti-parti politik pembangkang seperti *Democratic Action Party* (DAP) atau organisasi bukan kerajaan seperti Dong Jiao Zong dan *Hindu Rights Action Force* (Hindraf) di atas kapasiti hak asasi manusia dan keadilan sejagat. Di samping itu, kumpulan *chauvinist* ini tidak melihat parti-parti gabungan dalam BN yang lain seperti *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Association* (MIC) mampu mewakili 'suara' mereka secara efektif yang dikatakan lebih elit sifatnya. Kemampuan mereka mempengaruhi iklim politik negara tidak boleh dinafikan. Perkara ini boleh dilihat melalui kegagalan UMNO khususnya dan BN dalam dua pilihan raya umum 2008 dan 2013. Pilihan raya umum pada tahun 2008 dan 2013 menunjukkan pengundi Cina telah mampu mengubah landskap politik di Malaysia. Beberapa akhbar seperti *Utusan Melayu* melaporkan senario ini merupakan ledakan 'tsunami politik' pada pilihan raya 2008 dan 'tsunami Cina' pada pilihan raya umum 2013 di Malaysia (*Utusan Melayu* 8 Mac 2008, 12 Mei 2013). Bagaimanapun kenyataan tersebut disanggah oleh Shamsul Amri yang berhujah ada faktor-faktor mendesak yang lain mengakibatkan sokongan pengundi Cina beralih arah kepada Pakatan Rakyat (PR). Menurutny;

"Analisis yang mengaitkan peralihan undi itu kepada isu perkauman adalah analisis yang terlalu simplistik dan boleh mengelirukan selain boleh mencetuskan 'ketegangan dalam ketenteraman' dalam kalangan masyarakat [...] Ada unsur kelas, ada unsur ruang iaitu bandar dan luar bandar, dan ada juga unsur umur. Itu belum lagi unsur gender dan sebagainya" (Lihat <http://www.astroawani.com>).

Masyarakat bukan Melayu terutama komuniti Cina bandar mula mengalih sokongannya secara legal kepada PR yang lebih liberal dasar politiknya dan yakin dengan agenda reformasi PR yang lebih komited dengan kehendak perlembagaan serta peka kepada keperluan rakyat. Keyakinan ini bertambah kukuh selepas kerajaan PR di Pulau Pinang dan Selangor mampu membuktikan bentuk kuasa dan corak pemerintahannya yang lebih telus dan efisien seperti mana yang dilaporkan oleh Laporan Audit Negara sepanjang tahun 2008 sehinggalah 2013. Impaknya, secara tidak langsung mereka membuat perbandingan pemerintahan di kedua-dua buah negeri tersebut semasa di bawah rejim BN. PR secara umumnya dilihat gabungan parti yang lebih memperjuangkan isu kelas berbanding BN yang terlalu perkauman.

CABARAN KEPIMPINAN POLITIK MELAYU

Pemaknaan dan fahaman kuasa di Malaysia secara realitinya perlu difahami mengikut kerangka perlembagaan negara. Melalui kefahaman tersebut, secara automatiknya rakyat Malaysia lebih faham beberapa aspek tradisi seperti kuasa institusi raja-raja Melayu, agama Islam, kedudukan istimewa Melayu dan bahasa Melayu. Kefahaman ini perlu kerana penekanan kepada kepentingan untuk memberi gambaran betul terhadap peranan orang Melayu dan kedudukan mereka sebagai komuniti asal (*son of the soil*) di Malaysia (Ahamad Jama' Amin 2013:1115; Khoo Khay Kim 1972:48-50;). Malahan Dr. Tan Chee Koon, pemimpin politik pembangkang terkenal sekitar tahun 1960-an-1970-an mengakui bahawa, 'pimpinan Melayu [...] adalah hakikat hidup yang diterima (Milne dan Mauzy 1982:249). Penjelasan Khoo Khay Kim dan Dr. Tan Chee Koon memberikan gambaran dalam kalangan bukan Melayu terhadap kepentingan kedudukan Melayu di Malaysia perlu di pertahankan secara kolektif tanpa mengira bangsa dan agama. Ia bertujuan untuk memastikan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi. Ahamad Jama' Amin dalam artikelnya yang bertajuk *Memahami Isu Ketuanan*

Melayu Dari Perspektif Sejarah Sosial (2013:1116) menjelaskan;

Dalam erti kata yang lebih tepat lagi, orang Melayu merupakan inti pati dan 'nyawa' kepada Malaysia; tanpanya Malaysia tidak akan wujud dan begitu sebaliknya. Hujah ini boleh dinilai melalui nama negara Malaysia itu sendiri yang mengambil singkatan perkataan 'Melayu' atau *Malay*. Ini kerana orang Melayu merupakan 'nukleus' kepada rakyat Malaysia."

Sehubungan itu, kepimpinan politik Melayu dipertanggungjawabkan merungkai dan menarik partisipasi rakyat untuk bersama-sama membangunkan kerangka demokrasi negara raja berperlembagaan. Tanggungjawab ini merupakan satu cabaran kepada aktor-aktor politik Melayu dalam usaha memastikan kerelevanan bentuk kuasa yang dimiliki orang-orang Melayu yang dipersetujui secara lisan atau dikenali kontrak sosial oleh orang-orang bukan Melayu. Timbal-baliknya orang bukan Melayu ketika itu memperoleh kerakyatan seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan negara. Untuk melestarikan kuasa Melayu terus relevan dalam konteks politik moden, pemikiran kepimpinan Melayu harus bebaskan diri daripada dilingkungi bebalisme (S.H. Al-Atas 2009). Dalam hal ini, kepimpinan Melayu harus bijak merungkai falsafah, mentafsir dan melaksanakan kuasa yang diamanahkan dan dimiliki kepada semua saluran yang di bawah tanggungjawabnya. Sejarah menunjukkan bagaimana bebalisme sikap dan kepimpinan Melayu tradisi dalam mentafsir, melaksanakan amanah dan kuasa yang diberi secara membabi-butu tanpa adanya nilai-nilai intelektual dan hikmah dalam pemerintahannya mampu merosakkan kredibiliti kuasa Melayu itu sendiri. Sebagai contoh dalam *Tuhfat al-Nafis*, dicatatkan peristiwa Sultan Mahmud mangkat dijulang. Imej institusi raja-raja Melayu ketika itu digambarkan zalim, keperibadian yang negatif dan cetek intelektual (Denisova 2011).

Cabaran untuk menjadikan kuasa kepimpinan Melayu relevan dengan politik semasa inilah yang perlu diperkukuhkan. Kepimpinan Melayu harus memastikan secara konsisten bahawa mereka adalah watak nasional yang diidamkan mewakili dan membebaskan belenggu rakyat daripada politik kesukuan. Watak nasional yang didukung ini perlu dikembangkan secara konstruktif dengan melihat elemen Islam mampu menaungi secara positif demokrasi yang dipraktikkan di Malaysia. Dalam erti kata yang lain, beberapa elemen seperti simbol ketuanan Melayu, peranan institusi raja dan prinsip perkongsian kuasa Melayu dengan bukan Melayu

(*power sharing*) dapat diterjemahkan daripada sudut 'kuasa yang hakiki'.

Kini keris dianggap oleh sesetengah pihak sebagai lambang kuasa dan jati diri Melayu yang eksklusif. Berlatarkan negara Malaysia di mana politik perkauman telah menjadi sesuatu yang normal, keris kini dijadikan alat yang memisahkan orang Melayu daripada 'kaum-kaum' lain. Tetapi, benarkah keris milik bangsa Melayu? (Farish A. Noor 2008:79).

Hujah Farish A. Noor berkait-rapat dengan fungsi kekuasaan yang ada dan diyakini terhadap orang-orang Melayu. Sentimen perkauman seperti mengabsahkan simbol ketuanan Melayu seakan mewujudkan suatu pandangan yang sama dengan ketuanan penjajah. Sedangkan tafsiran ketuanan Melayu tidak sama seperti mana yang difahami dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang merujuk kepada kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera termasuklah Sabah dan Sarawak. Hal ini mewujudkan kekeliruan dan membawa kepada salah faham yang berterusan bukan sahaja kepada orang bukan Melayu malah orang Melayu juga. Peranan institusi raja-raja Melayu juga perlu dilihat secara inklusif kepada semua kaum seperti mana yang terkandung dalam perlembagaan negara dan prinsip demokrasi raja berperlembagaan. Paling penting peranan raja-raja Melayu tidak hanya berlegar kepada masyarakat Melayu-Islam sahaja, tetapi turut merangkumi kaum-kaum dan agama yang lain. Bagi kaum bukan Melayu, stigma negatif mereka selama ini yang melihat fungsi raja-raja Melayu perlu di konstruksi dan diformulasikan kembali.

Watak nasional dalam kalangan pemimpin Melayu juga mampu diperkukuhkan dengan cara perkongsian kuasa di antara Melayu dengan bukan Melayu. Hubungan dan perkongsian kuasa ini perlu bagi memastikan kemakmuran politik, ekonomi dan sosial di Malaysia dijaga rapi dan berterusan. Perkongsian kuasa yang strategik ini membudayakan demokrasi penyertaan dan meningkatkan lagi keuntungan sosial semua rakyat Malaysia. Stigma bahawa orang bukan Melayu akan merampas bumi Melayu perlu dikikis. Dalam konteks ini, kepimpinan Melayu harus matang dalam mendefinisikan prinsip perkongsian kuasa tersebut dalam kerangka 'institusi peradaban'. Perlu dilihat secara realistik, kekuatan peradaban sesebuah bangsa terletak bagaimana cara bangsa tersebut mengurus elemen-elemen dalam peradabannya termasuklah manusia yang mendiami dan memajukan peradaban tersebut. Tambahan lagi, dalam sistem demokrasi di Malaysia banyak perkara yang berkaitan dengan

kedudukan istimewa Melayu dilindungi dan sukar digugat kecuali pemimpin Melayu dan Majlis Raja-Raja Melayu 'bebal' bertindak tanpa ada ilmu dan kewarasan politik yang jitu. Perkembangan sejarah Melayu memperlihatkan perlunya kuasa yang dimiliki oleh orang Melayu dapat 'mewajarkan kekuatan orang Melayu', sehinggakan sampai satu tahap persoalan 'tongkat' kepada orang-orang Melayu dapat dikikis. Cabaran ini yang dilihat perlu diimplementasikan oleh kepimpinan Melayu.

KESIMPULAN

Kepimpinan Melayu harus melihat kuasa daripada sudut fahaman yang luas meliputi prinsip Islam dan kerangka budaya lokal. Prinsip politik kepartian yang berasaskan agenda fahaman politik masing-masing perlu dilingkari dengan tuntutan demokrasi secara konstruktif supaya fahaman *politics of exception* dalam kerangka struktur kuasa tidak mendominasi secara berkesan di Malaysia. Walaupun sukar kerana realitinya *exceptional* berkembang luas dalam budaya politik demokrasi di Malaysia, namun usaha-usaha intelektual dalam kalangan aktor-aktor politik Melayu perlu dijanakan secara berterusan. Keadaan ini adalah untuk mewujudkan suasana yang kondusif dan penyahpolitikan boleh berlaku kesan daripada keberanian, kemajuan dan kesediaan orang Melayu untuk memberi makna kuasa yang lebih berintegriti dan berhikmah. Wacana kritik terhadap kefahaman orang Melayu sendiri terhadap 'apakah kuasa' perlu di diperdebatkan dan diteliti akar mula kefahaman dan amalan kuasa yang diamalkan sejak daripada zaman sebelum kedatangan Islam di Alam Melayu lagi. Penelitian tersebut haruslah menjurus kepada tingkah laku dan cara berfikir orang Melayu menyelesaikan masalah kepimpinan negaranya serta mengambil perhatian terhadap pandangan-pandangan sarjana Melayu yang pernah menyentuh isu-isu permasalahan kuasa dalam pengalaman sejarah orang-orang Melayu.

Namun demikian, teori kuasa yang berdasarkan pengalaman tidak perlu diketepikan tetapi perlu dikritik dan di olah berdasarkan realiti masyarakat Melayu itu sendiri. Secara keseluruhannya, pemaknaan kuasa dalam kepimpinan politik Melayu di Malaysia sangat dipengaruhi oleh 'semangat zaman' yang muncul dalam tempoh masa tertentu; peringkat awal pemaknaan kuasa Melayu lebih bersifat *top-down* iaitu politik dualisme di antara golongan pemerintah dengan golongan yang

diperintah. Politik dualisme ini memperlihatkan golongan pemerintah mempunyai kuasa sepenuhnya terhadap golongan yang diperintah seolah-olah hanya sekelompok manusia sahaja yang mempunyai kebebasan iaitu golongan pemerintah, golongan yang diperintah itu tidak mempunyai kebebasan dan ianya dikawal oleh golongan kelas yang berkuasa (amalan kuasa dalam bentuk ini jelas semasa zaman alam Melayu dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu-Buddha yang menekankan konsep kasta). Keadaan ini berubah selepas kemasukan Islam di alam Melayu, pemaknaan kuasa dalam masa tersebut mengalami perubahan apabila nilai adab kepimpinan Islam diterapkan oleh pemerintah Melayu; penghayatan konsep 'raja sebagai khalifah Allah di bumi' telah memberi sedikit ruang kebebasan kepada golongan yang diperintah.

Walaupun daripada segi praktiknya konsep tersebut tidak diamalkan keseluruhan oleh semua sultan-sultan Melayu disebabkan oleh faktor menurut nafsu; namun konsep serba sedikit dapat memberi gambaran seorang pemerintah tidak boleh melakukan sesuka hati dalam pemerintahannya. Kuasa yang dimiliki hanyalah merupakan pinjaman daripada Allah dan hak rakyat golongan yang diperintah perlu diutamakan dalam menegakkan keadilan dalam pentadbirannya. Pemaknaan kuasa dalam masyarakat Melayu berubah dengan drastik akibat pengaruh kolonial British di Tanah Melayu. Pada waktu tersebut lebih banyak 'idea kuasa' barat diterapkan ke dalam sistem kepimpinan Melayu; kesannya timbul peranan kepimpinan daripada rejim elit politik baru. Peranan rejim ini telah mengisi pemaknaan kuasa Melayu terutama semasa Tanah Melayu berjuang dalam memperoleh kemerdekaan daripada penjajahan British. Kelompok yang jelas menonjol ialah dalam bentuk persatuan yang diterajui oleh Parti UMNO. Namun dalam tahun 1998 pemaknaan kuasa politik Melayu digasak oleh kuasa politik yang berlandaskan perjuangan kelas yang meledak semasa berlakunya gerakan 'Reformasi 1998'. Bentuk kepimpinan politik pasca Reformasi 1998 ini lebih menekankan kepada prinsip liberal yang menekankan kepada hak-hak kebersamaan dalam masyarakat Malaysia. Namun demikian bentuk pemaknaan kuasa politik Melayu Malaysia sehingga kini masih dilingkari oleh fahaman *politic of exception* yang kelihatan boleh menggugat prinsip negara demokrasi berperlembagaan di Malaysia.

NOTA

- ¹ Di antara contoh *state of exception* adalah seperti pengenalan bentuk undang-undang seperti *Patriot Act* oleh Amerika Syarikat (AS). Ironinya AS dikenali sebagai pendukung demokrasi dan hak asasi manusia. Namun pengenalan undang-undang tersebut dilihat seakan tidak bermoral dan tidak adil pada pelakunya. Bagaimanapun, pelaksanaan akta tersebut diterima oleh masyarakat sivil negara tersebut.
- ² Perkara 16(2) (a): Memeruntukkan bahawa sultan berhak untuk melantik Menteri Besar yang mendapat undi majoriti Dewan Undangan Negeri berkenaan.
- ³ Perkara 16(4): Menyatakan bahawa dalam perkara melantik seseorang Menteri Besar, sultan bolehlah mengikut budi bicara baginda mengecualikan atau tidak memakai mana-mana peruntukan UTKN Perak berkaitan mana-mana had kuasa berhubung dengan pelantikan Menteri Besar jika pada pendapat baginda tindakan sedemikian perlu untuk menyempurnakan peruntukan-peruntukan Perkara 16.
- ⁴ Perkara 16(6): Menerangkan bahawa jika Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti dari ahli-ahli majlis perundangan, kemudian melainkan atas permintaan beliau kepada sultan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri, beliau dan exconya perlu meletakkan jawatan.
- ⁵ Perkara 18(2)(b): (a) Sultan boleh bersetuju atau tidak bersetuju membubarkan Dewan
- ⁶ Perlembagaan Persekutuan Malaysia Jadual Kelapan Perkara 71(2):
 - (a) Melantik seorang Menteri Besar.
 - (b) Tidak mempersetujui permintaan membubarkan Dewan Negeri.
 - (c) Meminta supaya dijalankan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran DYMM Raja-raja.
 - (d) Apa-apa tugas sebagai ketua agama Islam atau mengenai adat istiadat Melayu.
 - (e) Melantik waris, Permaisuri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja.
 - (f) Melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya.
 - (g) Membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana.
- ⁷ Perkara 181, 182 dan 183 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyentuh bentuk kedaulatan, dan prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja di atas pensabitan pendakwaan kes-kes sivil di bawah ke Mahkamah Khas dengan kebenaran Majlis Raja-Raja Melayu dan keizinan Peguam Negara.

RUJUKAN

- Adnan Awang. 2009. *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Agamben, G. 2005. *State of Exception*. Chicago: The University of Chicago Press.

- Ahamad Jama' Amin Yang. 2014. Kosmologi Melayu-Islam: Suatu Pengamatan Sejarah Sosiopolitik Melayu. *Prosiding Persidangan Antarabangsa. Kelestarian Insan* 2014, hlm. 10-120.
- _____. 2013. Memahami Ketuanan Melayu Dari Perspektif Sejarah Sosial. *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu 2013*, hlm.1107-1120.
- Ahmad Nidzamuddin Sulaiman. 1988. Aliran kiri di dalam politik perkauman Malaya/Malaysia. 1955-1968. *Jebat*, 16.
- Ahmat Adam. 2013. *Melayu, Nasionalisme, Radikal dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Attas, S.H. 2009. *Intelektual Masyarakat Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Allers, C. 2014. *Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat*. Singapore: Monsoon Book Ltd.
- Andaya dan Virginia Matheson. 1983. *Pikiran Islam dan Tradisi Melayu-Tulisan Raja Ali Haji dari Riau (ca.1809-1870)*. Dlm. Anthony Reid dan David Marr. *Dari Raja Ali Hingga Hamka*. Jakarta: Grafiti Press.
- Case, W. 1996. *Elite And Regimes In Malaysia: Revisiting A Consociational Democracy*. Clayton: Monash Asia Institute.
- Crouch, H. 1996. *Government and Society in Malaysia*. St. Leonards: Allen and Unwin.
- Denisova, T. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Farish A. Noor. 2008. *Di Balik Malaysia-Dari Majapahit ke Putrajaya*. Petaling Jaya: ZI Publications.
- Funston, N. J. 1980. *Malays Politic in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Limited.
- Gullick, J. M. 1978. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harding, A. dan James Chin, sunt. 2014. *50 Years of Malaysia: Federalism Revisited*. Singapore: Marshal Cavendish.
- Ishak Saat. 2014. *Politik Suara Rakyat*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kessler, C. 1986. Islamic Intensification and Cultural Contestation in Contemporary Malay Society. *Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu II*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 11-13 November.
- Khoo, Boon Teik. 1995. *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoo, Khay Kim. 1972. *The Western Malay State, 1850-1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kua, A. M. 1998. *Authoritarian Populism in Malaysia*. London: McMillan.
- Mauzy, Diane. 1995. Coercive consociationalism. Dlm *The Politics of Ethnic Regulation*, disunting oleh John McGarry & Brandon O'Laerry. London: Routledge.
- Milne, R. S. dan Mauzy, D. 1982. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Milne, R. S. 1967. *Government and Politics in Malaysia*. Boston: Houghton Mifflin
- Milner, A. 2011. *Malaysia Monarchy and the Bonding of the Nation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Milner, A. 2008. *The Malays*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Muhammad Abu Bakar. 1994. Persaingan ideologi dan pemulihan tradisi. *Potret Masa*. Jilid. 1. Petaling Jaya: Gateway Publishing.
- Nabir bin Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Assyarif Gunung Semanggol, 1934-1959*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Neal, A. 2010. *Exception And The Politics Of Counter-Terrorism: Liberty, Security And The War Of Teror*. Abyndon: Routledge.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2005. *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka*. Kajang: Hazco Print.
- Ramanathan, K. 1989. *Asas Sains Politik*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti.
- Ramlah Adam. 2004. *Gerakan Radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1994. *Ahmad Boestamam: Satu Bibliografi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reid, Anthony. 2004. Understanding Melayu (Malay). As a source of Diverse Modern Identities. Dlm. *Contesting Malayness Malay Identity across Boundaries*, disunting oleh Timothy P. Barnard. Singapore: Singapore University Press.
- Rustam A. Sani. 1993. *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia: Tradisi Cendikia dan Krisis Budaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Said, E. 2009. *Budaya dan Imperialisme*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Shellabear, W.G., sunt. 1981. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Siddiq Fadzil. 2012. *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah.
- Swettenham, F.A. 1955. *British Malaya*, London: Allen and Unwin.
- Vincent, A., sunt. 1997. *Political Theory: Traditions & Diversity*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Von Vorys, K. 1975. *Democracy without consensus*. Princeton: Princeton University Press.
- Welsh, B. 2013. Malays: A steps backward. *Journal of Democracy*. 24(2): 136-156.
- Welsh, B. 2004. *Reflection: The Mahathir Years*. Washington DC: John Hopkins University-SAIS.
- Zainal Kling. 1986. Kesedaran nilai budaya nasional; alternatif polarisasi etnik. *Jurnal Negara*. Jilid X (1):30-37.

LAMAN WEB DAN AKHBAR

- www.astroawani.com
Suara Rakyat, 16 November 1945.
The Malay Mail, 1 Disember 1923.
Utusan Melayu, 8 Mac 2008.
Utusan Melayu, 12 Mei 2013.

AHAMAD JAMA' AMIN BIN YANG
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kampus Sultan Abdul Halim
E-mail: alperaqi1978@yahoo.com

MOHD BIN SAMSUDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: moss@ukm.edu.my

IZUAN BIN RAZALI
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: izraukm@gmail.com

Diserahkan: 17 Februari 2015
Diterima: 11 Februari 2016